

10/08/1998

Ekspedisi bakal masuk rekod dunia

Fazallah Pit

PENAT lelah peserta Ekspedisi Trans-Afrika yang turut disertai anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) baru-baru ini, menerima pulangan yang tidak dijangkakan apabila ia dicadang untuk dimasukkan ke dalam Guinness Book of World Record.

Cadangan itu lahir selepas menyedari ekspedisi terbabit adalah terpanjang dan terbesar pernah dilakukan mana-mana kumpulan ekspedisi sebelum ini.

Bagaimanapun, kebanyakan peserta ekspedisi itu lebih mementingkan kepuasan hasil semangat juang mereka dan pengiktirafan peringkat antarabangsa itu mereka anggap sebagai bonus.

Namun hanya selepas ia diberi pengiktirafan barulah ekspedisi itu dapat mencuri ruang untuk publisiti.

Seorang peserta merangkap ketua keselamatan ekspedisi, Mejar Rosli Che Mee, berkata ekspedisi itu membabitkan 16 kenderaan pacuan empat roda dengan 55 peserta termasuk enam daripada ATM.

Katanya, ekspedisi itu dirancang pada 1995 termasuk tempoh dua tahun untuk mengenal pasti lokasi yang bakal dikunjungi serta mengetahui selok-belok jalan yang akan dilalui.

"Jangka masa dua tahun itu juga diguna bagi mendapatkan kebenaran setiap negara yang dilalui ekspedisi itu."

"Ini bertujuan mengelakkan masalah yang dialami negara lain tidak lama dulu apabila ditegah memasuki sempadan Sudan."

"Bagaimanapun, masalah mendapatkan kebenaran itu tidak rumit kerana kebanyakan pemimpin negara Afrika mengenali Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Malah, sambutan besar-besaran juga dilakukan setiap kali ekspedisi kami merentasi negara mereka yang turut dihadiri presiden atau timbalan presiden negara terbabit," katanya.

Mengenai latihan sebelum ekspedisi bermula, dia berkata, mereka menerima latihan intensif di Ampang Pecah, Kuala Kubu Baru selama tiga hari meliputi pelbagai aspek.

Antaranya, Rusli berkata, aspek ketahanan fizikal, disiplin, teknikal dan perubatan.

"Ia bertujuan supaya peserta mengetahui banyak aspek selain bidang yang mereka pakar sekali gus mempersiapkan peserta dengan pelbagai kemahiran," katanya.

Rosli berkata, sebagai ketua keselamatan dia bertanggungjawab terhadap keselamatan peserta daripada ancaman perang, binatang buas atau kemalangan.

"Sememangnya tugas itu sukar dan mencabar kewibawaan saya tetapi Alhamdulillah semuanya berjalan lancar."

"Pengalaman paling sukar ketika ekspedisi itu apabila melalui kawasan yang ditanam periuk api di sempadan Habshah dan Sudan."

"Kami mengikut pemandu yang mahir dengan jalan itu supaya kenderaan kami dapat mengelak periuk api yang dipercayai masih tertanam," katanya.

Seorang lagi peserta, Sarjan Hassan Masrom yang mengendalikan bahagian perubatan, berkata, ekspedisi sebulan itu bermula 1 Disember 1997 di bandar Cape Town.

Menurutnya, dia bersama Mejar Zainal Azim Abdul Kadir dan Dr Faisal bertugas bagi memastikan peserta sihat supaya tidak diserang pelbagai virus di benua Afrika.

"Antara penyakit yang menular di benua itu ialah malaria, taun dan denggi."

"Sebagai langkah awal peserta disuntik vaksin pencegah penyakit beberapa kali."

"Pencegahan itu penting kerana jika diserang sebarang penyakit kronik di Afrika ia tentu menjejaskan kelancaran ekspedisi."

"Bagaimanapun, tiada peserta yang mengalami hal demikian cuma demam biasa," katanya.

Hassan yang menaiki kenderaan pacuan empat roda nombor enam berkata, pengalaman menyertai ekspedisi itu sukar dilupakan kerana selain bakal dimasukkan dalam rekod dunia Guinness, mereka menghadapi pelbagai cabaran menarik serta melucukan.

"Dalam konvoi besar, kenderaan di belakang harus mengikuti rapat kenderaan di depan bagi mengelak tersesat atau memasuki kawasan bahaya kerana debu padang pasir menghalang penglihatan pemandu kenderaan di belakang."

"Masalahnya, kenderaan di belakang harus pantas bertindak kerana pemandu di depannya mungkin berhenti secara mengejut bila-bila masa kerana mengelakkan sesuatu."

"Bagaimanapun, insiden itu berjaya menghilangkan rasa mengantuk pemandu yang harus ligat mengendalikan kenderaan dengan tangan dan kakinya," katanya.

Hassan berkata, rasa mengantuk tidak dapat dielakkan kerana kadangkala perjalanan memakan masa lebih 24 jam tanpa rehat. Perjalanan terpanjang mencecah 72 jam.

"Apabila ada kenderaan terbenam dalam lumpur, tersangkut atau rosak, ketika itulah rasa seronok sikit sebab sebahagian peserta dapat melepaskan lelah atau melunjur kaki selepas berpuh jam berada dalam kenderaan," katanya.

Paling melucukan, menurutnya, mereka terserempak dengan beberapa kumpulan singa ketika sebahagian peserta bercadang berehat dan melepaskan penat.

"Apalagi, kami pun teruskan perjalanan semula," kata Hassan.

Selain itu, menurut Hassan, mereka berdepan dengan pengalaman merentasi kawasan padang pasir jerlus yang tidak kurang menakut serta melucukan.

"Pemandu kenderaan di belakang selalu tidak nampak pemandangan di depan, lalu sesetengahnya cuba memintas ke kiri atau kanan tetapi mereka kemudian tersangkut di pasir jerlus dan ketinggalan agak jauh."

"Bagaimanapun, nasib baik kami tiada masalah besar untuk menarik kenderaan itu keluar," katanya.

Hassan berkata, semua peserta didedahkan dengan pelbagai teknik pemanduan kenderaan kerana ekspedisi itu melalui pelbagai bentuk muka bumi yang menyukarkan pemandu.

"Sekalipun berpengalaman, memandu di Afrika tidak sama memandu di negara lain apatah lagi merentasi padang pasir serta gunung-ganang yang kurang disediakan peralatan keselamatan," katanya.

(END)